

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	20 June 2015

Kritikan Dr. Mahathir wujud perspektif negatif

KUALA LUMPUR 19 Jun - Kritikan Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang dibuat melalui media antarabangsa boleh mencetuskan persepsi negatif dalam kalangan negara luar dan masyarakat antarabangsa terhadap pentadbiran negara.

Geo Strategis Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Profesor Dr. Azmi Hassan berkata, media asing berkenaan mengambil kesempatan dengan menerbitkan kenyataan tersebut ketika Malaysia dilantik sebagai Presiden Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi tempoh sebulan bermula 1 Jun lalu.

"Kita menerima pelantikan tersebut yang dilihat begitu penting un-

tuk menaikkan imej negara tetapi dalam masa yang sama kritikan yang dibuat oleh Tun Mahathir disiarkan dalam tempoh yang sama.

"Masyarakat luar akan menganggap negara kita tidak ditadbir dan diurus dengan betul dan boleh menimbulkan sebarang kemungkinan termasuk campur tangan asing pada masa depan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau mengulas tindakan Dr. Mahathir yang melemparkan kriti-



AZMI HASSAN

kan terhadap Perdana Menteri menerusi sebuah artikel *The New York Times* berkenaan kritikan-kritikan terhadap isu Malaysia Development Berhad (IMDB).

Dalam wawancara berkenaan, Dr. Mahathir juga melontarkan pandangan bahawa UMNO dikuasai golongan 'Napoleon kecil' yang menyekat kemasukan individu-individu berbakat dan bijaksana dalam parti semata-mata untuk membolehkan golongan berkenaan terus berkuasa.